

RINGKASAN MAKLUMAT SIJIL INDUK

Ahli yang Dilindungi patut membaca maklumat berikutnya bersama-sama dengan syarat-syarat yang tertera di dalam Ringkasan Sijil Induk.

1. BUKTI UMUR

Umur Ahli yang Dilindungi akan diakui sebelum permulaan perlindungan berdasarkan bukti dokumen yang memuaskan yang disediakan oleh Ahli yang Dilindungi dan diterima oleh PruBSN.

2. PENAMAAN

Ahli yang Dilindungi boleh memilih siapa yang akan menerima manfaat selepas kematian Ahli yang Dilindungi dengan mengisi borang penamaan.

Sekiranya Ahli yang Dilindungi belum menamakan sesiapa, sila lengkapkan borang penamaan yang boleh didapati daripada Pemegang Sijil Induk dan hantarkan kepada PruBSN dengan segera.

3. PENUKARAN MAKLUMAT PERIBADI

Bagi memastikan PruBSN dapat memaklumkan Ahli yang Dilindungi tentang maklumat yang perlu, Pemegang Sijil Induk atau Ahli yang Dilindungi harus memastikan bahawa PruBSN mempunyai butir-butir perhubungan terkini.

4. TEMPOH RUJUKAN PERCUMA

Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memaklumkan secara langsung kepada PruBSN dan menyertakan butiran pengenalan peribadi dalam tempoh lima belas (15) hari daripada Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi. Walaubagaimanapun, sumbangan yang dibayar tidak akan dibayar balik kepada Ahli yang Dilindungi, kerana sumbangan yang dibayar bagi bulan pertama dari Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi ditanggung oleh PruBSN di bawah pengaturan *Hibah*.

5. BAYARAN SUMBANGAN

Pemegang Sijil Induk boleh mengumpulkan sumbangan yang dibayar oleh Ahli yang Dilindungi dan dipindahkan ke PruBSN. Adalah penting untuk menyimpan bukti pembayaran sumbangan bagi rujukan masa hadapan.

6. PENYERAHAN SIJIL ANDA

Ahli yang Dilindungi boleh membuat penyerahan perlindungan takaful pada bila-bila masa. Walaubagaimanapun, tiada nilai serahan akan dibayar dan sumbangan yang dibayar tidak akan dibayar balik. PruBSN akan menyediakan perlindungan sehingga Tarikh Bulanan Pembaharuan Sijil yang seterusnya setelah menerima arahan bertulis untuk penyerahan. Sebarang permohonan untuk penyerahan dalam tempoh tersebut akan dianggap sebagai pengesahan untuk tidak memperbaharui sijil.

7. PENYERAHAN TUNTUTAN

Untuk membuat tuntutan, Pemegang Sijil Induk atau wakil daripada Ahli yang Dilindungi mesti menghantar pemberitahuan bertulis kepada PruBSN ke alamat di bawah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kejadian/peristiwa. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya terdapat penjelasan munasabah

menunjukkan notis tidak dapat diserahkan dan notis telah diberi seawal dan seupaya yang mungkin selepas tamat tempoh masa tersebut.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

Apabila tuntutan dibuat, penuntut perlu memaklumkan Pemegang Sijil Induk dan menyerahkan dokumen-dokumen berkenaan yang lengkap kepada PruBSN untuk memproses tuntutan.

8. KHIDMAT PELANGGAN

Butiran-butiran berikut disediakan kepada Ahli yang Dilindungi supaya PruBSN dapat menyokong semua pertanyaan daripada Ahli yang Dilindungi berkenaan perlindungan takaful ini. PruBSN juga akan menyokong semua dan/atau sebarang aduan yang dikemukakan oleh Ahli yang Dilindungi dan/atau penama kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Cawangan

Cawangan PruBSN beroperasi dari 8:45 pagi hingga 4:15 petang dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum).

Panggilan

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi talian **Corporate Business Support** PruBSN di **03 2775 7188** pada waktu pejabat (8:30 pagi hingga 5:15 petang dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum).

Surat-menyurat dan E-mel

Ahli yang Dilindungi boleh menulis kepada PruBSN di:

Corporate Business Support

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

E-mel: corporatesupport@prubsn.com.my

9. OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN BNM LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (LINK)

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dan BNM *Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)* telah ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada pelanggan dan membantu menyelesaikan sebarang perselisihan mengenai tuntutan. Sekiranya Ahli yang Dilindungi dan/atau penama tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan yang telah PruBSN buat, Ahli yang Dilindungi dan/atau penama boleh menulis kepada alamat-alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

(dahulu dikenali sebagai Biro Perantaraan Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2272 2811

Faks: 03-2272 1577

Laman web: www.ofs.org.my

Pengarah

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah

Bank Negara Malaysia,

P.O. Box 10922,

50929 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

KONTRAK SYARIAH (‘AQAD)

1. Hubungan kontrak di kalangan Ahli-ahli yang Dilindungi yang menyumbang ke Dana *Tabarru`*

Dengan ini dipersetujui bahawa penyertaan pelan ini adalah bersama dengan semua Ahli yang Dilindungi yang lain berdasarkan prinsip *Ta`awun* (bantuan bersama). Sumbangan *Tabarru`at* (kebajikan) akan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan Ahli-ahli yang Dilindungi yang lain untuk menyediakan manfaat bersama yang akan dibayar kepada semua Ahli yang Dilindungi yang layak atau penama mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui berdasarkan manfaat takaful yang dipersetujui di bawah pelan ini.

2. Hubungan kontrak di antara Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi dengan PruBSN

2.1 *Wakalah*

2.1.1 Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi bersetuju untuk melantik dan memberi kuasa kepada PruBSN untuk menguruskan pelan takaful ini dan melaburkan Dana *Tabarru`*. PruBSN diberi kuasa untuk melaksanakan operasi takaful berdasarkan prinsip Syariah, undang-undang dan pengawalseliaan dan juga terma-terma yang dinyatakan.

2.1.2 Sebagai pulangan kepada tugas yang dijalankan dan berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, Ahli yang Dilindungi bersetuju untuk membayar Caj *Wakalah* Pendahuluan kepada PruBSN seperti yang ditentukan di bawah Peruntukan Ringkasan Sijil Induk Klausula 5 (5.1). Selain daripada Caj *Wakalah* Pendahuluan, PruBSN juga layak menerima yuran prestasi ke atas Lebihan yang Boleh Diagihkan seperti yang dinyatakan di bawah Sijil Induk.

2.1.3 Apabila keadaan yang dianggap sebagai salah urus, kecuaiian atau pelanggaran istilah tertentu, PruBSN akan menanggung dan hendaklah membayar kerugian atau kerosakan termasuk sebarang kos sebenar yang dialami oleh Pemegang Sijil Induk atau Ahli yang Dilindungi.

2.1.4 Kontrak *Wakalah* ini hendaklah dibubarkan apabila matang, penamatan akibat serahan atau sebarang keadaan yang ditentukan di bawah Peruntukan Ringkasan Sijil Induk Klausula 10. PruBSN layak untuk menerima Caj *Wakalah* bagi perkhidmatan yang diberikan.

2.2 *Hibah*

Hibah (hadiah) adalah penambahan manfaat yang diberikan kepada Ahli yang Dilindungi dari dana Pemegang Saham. *Hibah* tertakluk kepada pemenuhan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di Peruntukan Ringkasan Sijil Induk bawah Klausula 4.1.

1. DEFINISI

Dalam Ringkasan Sijil Induk ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan adalah seperti yang ditakrifkan di bawah:

- 1.1. **Kemalangan** – bermaksud tindakan yang disebabkan oleh sumber-sumber luaran dan boleh dilihat, diakibatkan secara langsung dan tidak bergantung kepada sebab-sebab lain yang berlaku secara mengejut, tidak sengaja, di luar jangkaan, luarbiasa dan peristiwa tertentu yang berlaku pada tarikh, masa dan tempat yang dikenalpasti.
- 1.2. **Umur** – bermaksud umur pada hari jadi yang akan datang.
- 1.3. **Tarikh Bulanan Pembaharuan Sijil** – bermaksud hari yang sama pada setiap bulan pembaharuan yang layak apabila Ahli yang Dilindungi memenuhi kriteria untuk diperbaharui.
- 1.4. **Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi** – bermaksud tarikh berkuatkuasa perlindungan takaful untuk setiap Ahli yang Dilindungi. Bagi tujuan untuk Ringkasan Sijil Induk ini, Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi akan dianggap dari hari pertama bulan berikutnya setelah penerimaan Ahli yang Dilindungi untuk melanggan dan memenuhi kriteria untuk menyertai perlindungan takaful ini.
- 1.5. **Doktor** – bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang berkelayakan untuk mengamalkan perubatan barat/perubatan berdasarkan bukti. Dia harus memberi rawatan mengikut kawasan geografi yang merangkumi skop lesen dan latihan yang telah diterima. Ini tidak termasuk Ahli yang Dilindungi, suami atau isteri Ahli yang Dilindungi, atau saudara-mara terdekat kepada Ahli yang Dilindungi.
- 1.6. **gHealth** – perisian aplikasi mudah alih dan/atau laman web yang digunakan untuk pelan ini di mana dibangunkan dan dimiliki oleh Gloco Malaysia Bhd.
- 1.7. **Punca Semulajadi** – bermaksud sebarang sebab selain daripada faktor luaran seperti kemalangan, bunuh diri atau pembunuhan.
- 1.8. **Keadaan Sedia Ada** – bermaksud sebarang hilang upaya, penyakit dan/atau keadaan yang Ahli yang Dilindungi mengetahui sewajarnya sebelum Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi. Ahli yang Dilindungi mungkin dianggap mengetahui sewajarnya sesuatu Keadaan Sedia Ada di mana hilang upaya, penyakit dan/atau keadaan tersebut adalah sesuatu yang mana:
 - (a) Ahli yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan; atau
 - (b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan; atau
 - (c) tanda-tanda ketara dan jelas atau telah terbukti; atau
 - (d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi seseorang individu yang waras.

- 1.9. **Jumlah yang Dilindungi** – bermaksud amaun manfaat yang akan dibayar apabila tuntutan dibuat dan dibayar daripada Dana *Tabarru`*. Jumlah yang Dilindungi untuk setiap Ahli yang Dilindungi ditentukan berdasarkan Jenis Pelan yang disertai atau diperbaharui.
- 1.10. **Penolakan *Tabarru`*** - bermaksud sumbangan sukarela oleh Ahli yang Dilindungi mengikut konsep *Ta`awun*. Ia berkaitan dengan bahagian sumbangan oleh Ahli yang Dilindungi kepada Dana *Tabarru`* semasa tempoh perlindungan. Penolakan *Tabarru`* daripada Ahli-ahli yang Dilindungi ditempatkan dan dikumpulkan bersama di dalam sebuah dana yang dimiliki secara bersama oleh Ahli-ahli yang Dilindungi. Dana ini digunakan untuk membayar kesemua tuntutan berdasarkan manfaat-manfaat yang telah dipersetujui di bawah perlindungan takaful ini berdasarkan prinsip bantuan dan pertolongan sesama. PruBSN mungkin menyemak semula Penolakan *Tabarru`* pada bila-bila masa tertakluk kepada pemberitahuan kepada Ahli yang Dilindungi.
- 1.11. **Dana *Tabarru`*** - bermaksud dana yang dipunyai oleh Ahli yang Dilindungi di mana sebahagian daripada sumbangan amaun disumbangkan dan dikumpulkan bersama. Dana ini digunakan untuk membayar manfaat-manfaat yang telah dipersetujui di bawah pelan ini di atas prinsip bantuan dan pertolongan sesama.
- 1.12. **Caj *Wakalah*** - bermaksud sebarang caj yang Ahli yang Dilindungi bayar kepada PruBSN untuk perkhidmatan yang PruBSN berikan.

1. SIJIL

- 1.1. Ringkasan Sijil Induk ini berfungsi sebagai petikan daripada peruntukan utama dari Sijil Induk. Ia tidak menggantikan Sijil Induk dan tertakluk kepada sebarang perubahan di dalam Sijil Induk.
- 1.2. Segala tafsiran manfaat-manfaat dan terma-terma yang disebut di dalam dokumen ini harus berdasarkan kepada peruntukan yang berkaitan yang dinyatakan di dalam Sijil Induk.
- 1.3. Orang yang mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil dirujuk sebagai Ahli yang Dilindungi.

2. MANFAAT-MANFAAT

2.1. Manfaat Kematian secara Semulajadi

Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia akibat Punca Semulajadi sementara Ahli yang Dilindungi masih mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini, PruBSN akan membayar Jumlah yang Dilindungi untuk Manfaat Kematian secara Semulajadi, dari Dana *Tabarru`* dan Sijil akan ditamatkan.

2.2. Manfaat Kematian akibat Kemalangan

Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia akibat Kemalangan sementara Ahli yang Dilindungi masih mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini, PruBSN akan membayar Jumlah yang Dilindungi untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan, dari Dana *Tabarru`* dan Sijil akan ditamatkan.

2.3. Jadual Manfaat

Jadual Manfaat berdasarkan kepada Jenis Pelan:

Jenis Pelan	Jumlah yang Dilindungi	
	Kematian secara Semulajadi	Kematian akibat Kemalangan
Pelan 1	RM1,000	RM5,000
Pelan 2	RM2,000	RM10,000
Pelan 3	RM5,000	RM25,000

3. KELAYAKAN

- 3.1. Orang yang layak untuk perlindungan takaful di bawah Sijil ini dirujuk sebagai Ahli yang Dilindungi.
- 3.2. Umur penyertaan Ahli yang Dilindungi mestilah sekurang-kurangnya di antara Umur sembilan belas (19) tahun dan enam puluh (60) tahun.
- 3.3. Perlindungan takaful bagi Ahli yang Dilindungi di bawah Sijil ini akan bermula pada Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi apabila Ahli yang Dilindungi memenuhi kriteria untuk menyertai pelan ini.

- 3.4. Ahli yang Dilindungi akan menikmati perlindungan takaful percuma untuk bulan pertama dari Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi. Ahli yang Dilindungi yang layak seterusnya boleh memperbaharui pelan di bawah Jenis Pelan yang layak berdasarkan kriteria pembaharuan yang ditetapkan.
- 3.5. Pemegang Sijil Induk akan mengemukakan, setelah mendapat persetujuan dari Ahli yang Dilindungi, kesemua butiran yang diserahkan oleh Ahli yang Dilindungi apabila menerima tawaran melalui aplikasi mudah alih gHealth kepada PruBSN untuk rekod dan penyelenggaraan bagi PruBSN berkenaan perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi.

4. SUMBANGAN

- 4.1. Sumbangan bagi bulan pertama untuk perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi ditanggung oleh PruBSN di bawah pengaturan *Hibah* sehingga satu (1) juta Ahli yang Dilindungi.
- 4.2. Untuk bulan pembaharuan berikutnya, sumbangan untuk perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi akan dibayar oleh Pemegang Sijil Induk kepada PruBSN.
- 4.3. PruBSN boleh mengubah sumbangan dan/atau kadar penolakan *Tabarru`* dan/atau caj *Wakalah* dengan memberikan notis pendahuluan selama sembilan puluh (90) hari.

5. CAJ WAKALAH PENDAHULUAN

- 5.1. PruBSN boleh menerima lima puluh peratus (50%) daripada setiap sumbangan sebagai Caj *Wakalah* Pendahuluan.
- 5.2. Semua Caj *Wakalah* Pendahuluan yang dibayar yang merupakan sebahagian daripada sumbangan yang patut dibayar tidak akan dipulangkan semasa penamatan seperti yang dinyatakan bawah Klausula 10.

6. DANA TABARRU`

- 6.1. PruBSN akan menyediakan Dana *Tabarru`* untuk pembayaran manfaat-manfaat di bawah pelan. Semua kos, perbelanjaan, caj-caj dan pungutan untuk mengekalkan aset/wang Dana *Tabarru`* dan sebarang perbelanjaan lain yang berkaitan akan ditanggung dan dibayar daripada Dana *Tabarru`*.
- 6.2. PruBSN akan memperuntukkan sumbangan yang dibayar, ditolak sebarang Caj *Wakalah* Pendahuluan, ke dalam Dana *Tabarru`*.

7. TEMPOH RUJUKAN PERCUMA

- 7.1. Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memaklumkan mengenai maklumat pengenalan diri terus kepada PruBSN dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi. Walaubagaimanapun, sumbangan yang dibayar tidak akan dikembalikan kepada Ahli yang Dilindungi, kerana sumbangan yang dibayar untuk bulan pertama dari Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi ditanggung oleh PruBSN di bawah pengaturan *Hibah*.

8. SERAHAN

- 8.1. Ahli yang Dilindungi boleh membuat penyerahan perlindungan di bawah Sijil ini selepas tempoh rujukan percuma. Walaubagaimanapun, tiada nilai serahan akan dibayar dan sumbangan yang dibayar tidak akan dikembalikan. PruBSN akan menyediakan perlindungan sehingga Tarikh Bulanan Pembaharuan Sijil yang seterusnya setelah menerima arahan bertulis untuk penyerahan. Sebarang permohonan untuk penyerahan dalam tempoh tersebut akan dianggap sebagai pengesahan untuk tidak memperbaharui Sijil.
- 8.2. PruBSN boleh menamatkan pelan dengan memberikan notis pendahuluan selama enam puluh (60) hari.

9. TUNTUTAN-TUNTUTAN

- 9.1. PruBSN tidak akan membayar manfaat di bawah Sijil ini kecuali:
- 9.1.1. Pemegang Sijil Induk atau penuntut telah menyerahkan semua dokumen dan maklumat yang diminta oleh PruBSN pada bila-bila masa secepat mungkin (Penuntut harus menanggung sebarang kos yang terlibat dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut).
 - 9.1.2. Tuntutan bagi manfaat dan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan yang diperlukan oleh PruBSN diserahkan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tuntutan.
 - 9.1.3. Sebelum PruBSN membayar sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, PruBSN mungkin memerlukan penghantaran dokumen tambahan yang diperlukan termasuk dokumen undang-undang untuk memproses dan menyetujui tuntutan tersebut.
- 9.2. Manfaat yang akan dibayar di bawah Sijil ini hendaklah dibuat dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh pemberitahuan tuntutan setelah menerima semua dokumen sokongan yang diminta oleh PruBSN untuk proses tuntutan. Setelah bayaran penuh manfaat telah dibuat, liabiliti PruBSN berkenaan dengan perlindungan bagi Ahli yang Dilindungi akan terhenti.
- 9.3. Pembayaran manfaat akan dibuat secara langsung oleh PruBSN kepada penama Ahli yang Dilindungi atau sekiranya tiada penama, kepada waris Ahli yang Dilindungi.

10. PENAMATAN

- 10.1. Penamatan perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi

Perlindungan takaful di bawah Sijil bagi Ahli yang Dilindungi akan tamat serta-merta:

- 10.1.1. apabila Ahli yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- 10.1.2. apabila menerima arahan bertulis dari Pemegang Sijil Induk untuk menamatkan perlindungan takaful bagi Ahli yang Dilindungi; atau

- 10.1.3. apabila menerima arahan bertulis dari Ahli yang Dilindungi untuk menamatkan perlindungan takaful; atau
 - 10.1.4. apabila Tarikh Bulanan Pembaharuan Sijil pertama pada atau selepas Ahli yang Dilindungi berumur enam puluh satu (61) tahun pada hari jadi akan datang; atau
 - 10.1.5. apabila tiada pembayaran sumbangan pada Tarikh Bulanan Pembaharuan Sijil; atau
 - 10.1.6. apabila penamatan Sijil Induk;
- mana-mana berlaku terlebih dahulu.

11. PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

11.1 Manfaat Kematian secara Semulajadi

Manfaat tidak akan dibayar sekiranya kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- (a) bunuh diri, sama ada semasa waras atau tidak waras, dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi; atau
- (b) sebarang Keadaan Sedia Ada.

11.2 Manfaat Kematian akibat Kemalangan

Manfaat tidak akan dibayar sekiranya kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- (a) peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pembabitian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam; atau
- (b) pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan; atau
- (c) cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- (d) kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya, (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketidaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan; atau
- (e) terlibat atau mengambil bahagian dalam sukan profesional, selam skuba, sebarang acara perlumbaan, penerbangan udara (termasuk terjun lelabah, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjun udara) melainkan sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki pesawat penumpang komersil berlesen

yang beroperasi melalui laluan yang dijadualkan biasa atau sebarang aktiviti atau sukan berbahaya, melainkan telah dipersetujui melalui pengendorsan khas; atau

- (f) penggunaan narkotik atau dadah melainkan diambil mengikut preskripsi perubatan berdaftar yang berkecualan; atau
- (g) apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang bukan disebabkan oleh kemalangan; atau
- (h) mabuk akibat alkohol atau dadah; atau
- (i) sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan.